

LATIHAN NOVEL (TINGKATAN 2)

LATIHAN 3

Pilih huraian yang betul bagi tema yang telah dinyatakan

- ☐ **Tema: Kesungguhan anak muda dalam menempah masa depan dan membina kejayaan hidup**

Laiman berani menjadi petani moden kerana berkeyakinan usahanya akan membuahkan kejayaan walaupun pada peringkat awal ditentang oleh ayahnya kerana menolak tawaran bekerja di Jabatan Pertanian	
Kesungguhan Laiman mengusahakan projek ternakan ikan air tawar, menanam tembikai, berniaga kelapa dan pisang telah menjadikan dia seorang usahawan yang berjaya	
Bapa, nenek dan abang Laiman sangat menyayanginya. Mereka telah banyak berkorban wang ringgit demi pendidikan Laiman	
Laiman sentiasa menyokong dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk membantu rakyat dengan memilih untuk berdikari dan bekerja sendiri.	
Kita mestilah memiliki perasaan kasih sayang terhadap darah daging sendiri	

LATIHAN 4

Padankan persoalan yang betul yang betul dengan peristiwa yang telah diberikan.

Kasih sayang sesama ahli keluarga
Ketabahan menempuh dugaan hidup
Kepentingan mempunyai ilmu dan pendidikan yang tinggi
Pengorbanan demi kejayaan ahli keluarga
Keberanian mencuba sesuatu yang baharu
Perasaan cemburu dan dendam yang boleh membawa padah

Peristiwa:

Abang dan nenek Laiman telah mengorbankan wang ringgit mereka demi membiayai pengajian Laiman di universiti.

Persoalan: _____

Peristiwa:

Bapa, nenek dan abang Laiman sangat menyayanginya. Mereka telah banyak berkorban wang ringgit demi pendidikan Laiman

Persoalan: _____

Peristiwa:

Sikap cemburu Muluk terhadap hubungan baik Soniah dan Laiman menyebabkan dia bertindak membakar tangki minyak dan akhirnya ditangkap.

Persoalan: _____

Peristiwa:

Laiman yang berkelulusan dari universiti dalam bidang kejuruteraan, telah berjaya merancang dan mengusahakan semua projeknya sehingga berjaya. Dia akhirnya telah menjadi contoh kepada anak muda di kampungnya.

Persoalan: _____

Peristiwa:

Laiman berani menukar corak ekonomi masyarakat di kampungnya daripada ekonomi berasaskan sumber pertanian kepada penternakan dan perniagaan.

Persoalan: _____

Peristiwa:

Usaha Laiman menghadapi rintangan seperti bapanya yang tidak bersetuju dengan hasratnya, Pak Sahok yang tidak mengizinkan tanah paya dijadikan kolan dan tindakan Muluk yang memburukkan nama baiknya. Namun, Laiman tabah dan bertindak dengan bijak.

Persoalan: _____